

**MAJLIS PENJENAMAAN SEMULA IDENTITI KORPORAT PELABURAN MARA
BERHAD DAN PELANCARAN PMB TIJARI BERHAD**

29/04/2014

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGA PUTRAJAYA (PICC), PUTRAJAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia;

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal,
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;

Yang Berhormat Tan Sri Annuar Musa,
Pengerusi, Majlis Amanah Rakyat (MARA);

Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Ahmad,
Ketua Pengarah MARA;

Yang Berbahagia Dato' Sohaimi Shahadan,
Pengerusi Pelaburan MARA Berhad;

Yang Berusaha Encik Nazim Rahman,
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pelaburan MARA Berhad;

Yang Berusaha Encik Ahmed bin Abdul Khaled,
Regional Head (Asia), Islamic Development Bank;

Ahli-ahli Majlis MARA;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Pelaburan MARA Berhad dan anak-anak
syarikatnya – PMB Tijari Berhad dan PMB Investment Berhad;

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keizinan dan limpah kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama pada hari yang indah ini.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana sudi menjemput saya ke Majlis Penjenamaan Semula Identiti Korporat Pelaburan Mara Berhad dan Pelancaran PMB Tijari Berhad di PICC ini.

3. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Pelaburan MARA yang baru sebentar tadi memeterai Perjanjian Pemegang Saham dengan Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD), sebuah anak syarikat Islamic Development Bank yang berpangkalan di Jeddah, Arab Saudi; bagi usahasama dalam PMB Tijari Berhad, sebuah anak syarikat terbaru Pelaburan MARA.

4. Perjanjian Pemegang Saham yang dimeterai sebentar tadi membolehkan ICD memegang lebih kurang satu pertiga daripada ekuiti PMB Tijari.

5. Ini menunjukkan tahap keyakinan ICD untuk terus melabur di Malaysia, sebuah negara anggota OIC, selaras dengan dasar ICD untuk membantu dalam pembangunan pasaran kewangan dan modal Islam di negara-negara anggota.

6. Dalam pada masa yang sama, ianya juga melambangkan keyakinan ICD terhadap Pelaburan MARA memandangkan pegangan pelaburan ICD ditingkatkan daripada 10% sebelum PMB Tijari diambilalih oleh Pelaburan MARA, kepada 33% selepas perjanjian ini.

7. Saya berharap dengan jaringan yang ada pada ICD dan IDB ini, PMB Tijari akan dapat meluaskan perkhidmatannya bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di 55 negara-negara ahli OIC yang lain. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Tahun 1967 telah menjadi tahun keramat, bilamana Amanah Saham MARA Berhad ditubuhkan hasil daripada salah satu resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada tahun 1965 iaitu mempunyai sebuah badan bagi mengembleng modal orang-orang Melayu untuk membolehkan mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan khususnya perniagaan saham.

9. Resolusi 70 perkara yang dikeluarkan di Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun tersebut telah membawa banyak perubahan penting kepada negara dan kaum bumiputera khususnya.

10. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirancang hasil daripada resolusi kongres ini merupakan jaminan dan keyakinan kepada kaum Bumiputera untuk turut sama bersaing dengan kaum-kaum lain di samping merapatkan jurang ekonomi antara kaum.

11. Kini, dalam kerangka negara maju yang disasarkan menjelang 2020, Kerajaan akan terus memastikan nasib semua golongan terbelah, termasuklah kaum Bumiputera. Mana-mana kelompok yang ketinggalan sama ada dari segi pendapatan, pekerjaan, pendidikan, keupayaan mental dan fizikal, dan mereka yang tinggal di pedalaman, kesemuanya akan dirangkumkan ke dalam arus pembangunan dan modenisasi negara.

12. Jika matlamat ini tercapai, kesepaduan, permuafakatan, persefahaman, sikap toleransi dan kerjasama akan dapat terus dipupuk dan dipertingkatkan. Negara yang rakyatnya bersatu padu, maju dan makmur, sudah pasti lebih kuat serta dipandang tinggi oleh dunia. In shaa Allah, Kerajaan akan terus istiqamah dalam melaksanakan strategi-strategi pembangunannya dengan memartabatkan Islam secara terancang dan menyeluruh ataupun 'Syumul' di Malaysia. Sepertimana sabda Rasulullah S.A.W "Mukmin yang kuat itu lebih baik dan disukai oleh Allah berbanding mukmin yang lemah, dan pada setiap seorangnya terdapat kebaikan." (H.R Muslim).

13. Syukur Alhamdulillah, saya melihat Amanah Saham MARA atau kini dikenali sebagai Pelaburan MARA Berhad telah memainkan peranannya sejak 47 tahun yang lalu. Banyak inisiatif baru sudah diperkenalkan selain daripada

pengurusan unit amanah selaras dengan Pelan Transformasi MARA 2011-2015. Hasilnya kini dapat dilihat melalui pulangan pelaburan dana dalaman yang menjangkau hampir 13.5% pada tahun 2013.

14. Dari segi prestasi, saya dimaklumkan bahawa salah satu daripada dana-dana unit amanah PMB Investment Berhad, anak syarikat milik penuh Pelaburan MARA, iaitu PMB Syariah Aggressive Fund baru-baru ini menerima anugerah The Edge Lipper Fund Awards 2014 bagi kategori Dana Ekuiti Patuh Syariah di Malaysia untuk prestasi selama tiga tahun (2011-2013).

15. Saya berharap PMB Investment yang baru selesai dengan proses menukar kesemua dana unit amanah dan portfolio yang diurus kepada patuh Syariah, akan menjadi sebuah syarikat pengurusan pelaburan patuh Syariah yang signifikan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di rantau Asia.

16. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Pengerusi, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, barisan pengurusan dan semua kakitangan Pelaburan MARA dan anak-anak syarikatnya di atas pencapaian-pencapaian cemerlang ini. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Jika anda masih ingat, pada Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera hujung tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Dana Pendidikan Mara bernilai RM1 bilion dalam bentuk dana sepadan atau 'matching grant' satu nisbah satu bagi membiayai keperluan program latihan, pendidikan, keusahawanan, penyelidikan dan pembangunan serta inovasi untuk mengupayakan modal insan Bumiputera.

18. Suka saya di sini mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menyalurkan RM500 juta secara berperingkat dan baki RM500 juta akan disediakan oleh pihak MARA. Dalam hal ini, Pelaburan MARA Berhad telah diberikan kepercayaan untuk menguruskan Dana Pendidikan ini. Hadirin sekalian,

19. Dengan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh Pelaburan MARA dan anak-anak syarikatnya, ditokok dengan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan,

saya berharap ianya mampu membawa kumpulan ini ke tahap yang lebih tinggi sambil sama-sama menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan dan modal Islam di Malaysia.

20. Perkembangan dan pertumbuhan yang sihat ini bukan hanya akan memberi manfaat kepada Pelaburan MARA tetapi juga kepada MARA secara keseluruhannya dari segi dividen yang akan diterima, sekaligus dapat memberi manfaat besar kepada negara dan rakyat khususnya dari segi pemerkasaan modal insan dan pendidikan.

21. Saya percaya penjenamaan semula identiti korporat Pelaburan MARA dan anak-anak syarikatnya pada hari ini dengan logo barunya lebih ringkas tetapi anggun akan dapat memantapkan identitinya sebagai persediaan untuk menuju ke satu tahap yang lebih tinggi dari segi aktiviti, prestasi dan sumbangannya kepada agama, bangsa dan tanah air.

22. Kepada seluruh warga kumpulan Pelaburan MARA, saya mengucapkan 'Selamat Maju Jaya', tingkatkan usaha dan bekerjalah dalam satu pasukan untuk meningkatkan kecemerlangan demi masa hadapan negara. Jadikanlah usaha ini sebagai agenda penting pembangunan ekonomi negara yang kita cintai.

23. Dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Identiti Korporat Pelaburan MARA dan Pelancaran PMB Tijari Berhad.

Wassalamu'alaikum warrahmatullahi wabarakatuh.